

14/08/1998

Kenyataan Amerika dikesali

KUALA LUMPUR, Khamis - Wisma Putra melahirkan rasa tidak senang hati terhadap amaran Amerika Syarikat mengenai kemungkinan kepentingannya di negara ini menjadi sasaran selepas pengeboman kedutaannya di Kenya dan Tanzania.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata, pegawai Wisma Putra dan Kedutaan Amerika Syarikat di sini sudah mengadakan beberapa perbincangan mengenai perkara itu.

Menurutnya, amaran itu boleh disalahertikan pihak lain, termasuk pelabur asing yang ingin melabur di Malaysia atau pelancong yang ingin ke sini untuk menyaksikan Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL '98), bulan depan.

"Apabila ia dilaporkan kepada saya, peringkat awal lagi saya sudah meminta mereka berhati-hati supaya kenyataan yang dikeluarkan itu tidak disalahertikan. Nanti nampak seolah-olah kita pula ada masalah, seolah-olah kita tak dapat mengawal negara kita.

"Insya-Allah dari segi keselamatan negara, tidak berlaku apa-apa yang mencemaskan. Kita juga harap dan yakin supaya tidak akan berlaku sesuatu supaya negara kita tetap stabil.

"Kita tidak mahu ada kenyataan yang boleh menggemparkan dan disalahertikan penduduk Malaysia atau orang yang datang ke Malaysia sama ada untuk pelaburan, menonton KL 98 atau apa-apa tujuan sekalipun," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Hadiah Sastera Utusan Melayu/Public Bank 1997, di sini hari ini.

Semalam, Jabatan Negara Amerika Syarikat memberi amaran mengenai kemungkinan kepentingannya di Malaysia, Yaman dan Mesir menjadi sasaran serangan berikutan pengeboman di dua kedutaannya di Kenya dan Tanzania.

Abdullah juga memberi jaminan Kerajaan Malaysia tetap melaksanakan tanggungjawabnya bagi membantu mana-mana kedutaan sekalipun jika mereka menghadapi masalah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam dilaporkan berkata, amaran Amerika Syarikat yang kepentingannya di Malaysia kini terancam, tidak berasas sama sekali.

(END)